

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 2 Mei 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 17/2024

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PENAWARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2023/2024

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pendaftaran Kursus Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 akan dibuka kepada pelajar mulai **20 hingga 26 Mei 2024** dan perkuliahan akan bermula pada **22 Julai 2024 hingga 8 September 2024**. Sehubungan itu, bagi Fakulti/Pusat yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 adalah diminta **memasukkan maklumat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) mulai 13 hingga 19 Mei 2024**. Pihak Fakulti/Pusat perlu mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Sekiranya terdapat kursus yang diajar oleh pensyarah luar UKM, **nama pensyarah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan.
- ii. Jumlah had pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan tepat berdasarkan jumlah had pelajar yang dipersetujui oleh pensyarah untuk mengikuti kelas.
- iii. Set kursus mengikut Taraf Kursus Fakulti/Program/Tahap Pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah.
- iv. **Penawaran kursus bagi pelajarambilan di bawah Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape) hanya ditetapkan kepada dua (2) sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar Bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara)**. Oleh itu, pentapan set dan had pelajar perlu diselaraskan dengan mengambil kira bilangan pelajar bagi kedua-dua tahap tersebut.
- v. Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan akhir semester.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

3. Sebarang pertanyaan, pihak Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung:

- i. **Prasiswazah** : Puan Huda Hela Ladin di talian 03-89118451 atau menerusi e-mel: hudahela@ukm.edu.my
- ii. **Pascasiswazah** : Puan Zaimi Makhtar di talian 03-89118388 atau menerusi e-mel: zaimi@ukm.edu.my

Sekian, perhatian dan kerjasama pihak Fakulti/Institut/Pusat berhubung perkara di atas diucapkan terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 - Ketua Pentadbiran, Fakulti/Institut/Pusat
 - Semua Pegawai Tadbir Prasiswazah dan Pascasiswazah Fakulti/Institut/Pusat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my